

**PROSPEK PERNIAGAAN KENDALIAN PELAJAR:
KES UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

**Ahmad Rafli Che Omar
Hj. Jumali Hj. Selamat
Khaidzir Hj. Ismail**

Abstrak

Penerapan ilmu dan kemahiran keusahawanan menerusi program latihan bersifat “hands-on” atau pembelajaran menerusi pelaksanaan aktiviti perniagaan sebenar telah banyak disaran oleh pakar-pakar keusahawanan. Fokus utama diberikan terhadap usaha melahirkan lebih ramai graduan yang berupaya menjadi usahawan tulen. Di Malaysia, program latihan keusahawanan siswa telah dijalankan sejak sedekad yang lalu secara serius oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta Kementerian Pengajian Tinggi menerusi beberapa program seperti Kursus Asas Keusahawanan Siswa (KAKS), Latihan Keusahawanan Siswa (LKS) dan Asas Pembudayaan Keusahawanan (APK). Namun, ia akan lebih berkesan sekiranya para pelajar di Universiti diberi ruang menjalankan perniagaan sendiri di dalam kampus. Artikel ini mengupas potensi prospek pembangunan perniagaan kendalian usahawan pelajar di kampus dan pembangunan inkubator perniagaan di kampus Universiti Kebangsaan Malaysia. Hasil kajian mendapati, warga kampus menyambut baik perniagaan yang dijalankan oleh pelajar. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa bentuk perniagaan runcitan tertentu sahaja yang mendapat permintaan daripada warga kampus. Artikel ini juga mengemukakan beberapa cadangan yang perlu dilaksanakan oleh pihak pentadbiran Universiti bagi menjayakan perniagaan milik usahawan pelajar.

Abstract

Instilling knowledge and skills of entrepreneurship through hands on training programs or learning through the realization of authentic business activities have been postulated by many entrepreneurship experts. The main focus is in producing more graduates who are capable to become genuine entrepreneurs. In Malaysia, graduate entrepreneurship training programs

have been implemented seriously since a decade ago by the Ministry of Entrepreneurship and Corporative Development and the Ministry of Higher Learning through several programs such as Graduate Basic Entrepreneurship Course, Graduate Entrepreneurship Training and Basic Entrepreneurship Culture. However, these programs will be more effective if university students are given the opportunity to conduct their own business on campus. This article discusses the potential prospect of business development managed by entrepreneur students on campus and the development of business incubator in the campus of Universiti Kebangsaan Malaysia. Research findings show that the business done by the students on campus are well-received. Nevertheless, only several types of business are in demand. This article also forwarded several suggestions that need to be undertaken by the university management to ensure the success of businesses owned by entrepreneur students.

PENGENALAN

Pihak kerajaan telah memberikan tumpuan khusus terhadap melahirkan lebih ramai usahawan di kalangan pelajar universiti. Ia dilaksanakan menerusi pelbagai bentuk program latihan dan bimbingan terutamanya menerusi Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta agensi-agensi di bawahnya serta Kementerian Pengajian Tinggi. Matlamatnya adalah untuk menerapkan ilmu keusahawanan secara teoritikal dan praktikal kepada semua pelajar tanpa mengira bidang pengkhususan bagi membolehkan mereka bersedia menceburi dunia perniagaan sebagai seorang usahawan.

Perlaksanaannya dibuat menerusi skim Latihan Keusahawanan Siswa (LKS), Latihan Asas Keusahawanan Siswa (KAKS), Program Pembangunan Usahawan Siswazah (PPUS) dan Asas Pembudayaan Keusahawanan (APK) (Ahmad Rafliis, et.al. 2007). Program berkenaan, dilaksanakan sebagai suatu program luar bilik darjah di mana pelajar daripada pelbagai Fakulti didedahkan dengan ilmu perniagaan secara teoritikal dan praktikal. Sehingga tahun 2008, sebanyak 20 buah institusi pengajian tinggi awam telah terlibat menjalankan semua program berkenaan.

Selaras dengan pelaksanaan program-program latihan keusahawanan berkenaan, pelajar juga perlu diberi peluang menjalankan perniagaan sebenar dalam kampus Universiti sebagai satu kaedah

mempraktikkan kemahiran berniaga yang telah dipelajari. Menurut Kirby (2006), pendidikan keusahawanan dalam kalangan pelajar harus diberikan secara praktikal menerusi pengendalian perniagaan sebenar yang dijalankan oleh pelajar sendiri. Dengan demikian, mereka akan dapat menggarap kemahiran berniaga yang lebih kompetan. Rae dan Carswell (2000) dan Gibb (2002) juga menjelaskan bahawa tingkahlaku keusahawanan boleh dipelajari dengan baik menerusi pengalaman meneroka dunia perniagaan yang sebenar menerusi interaksi dengan pelanggan, pembekal dan pesaing.

Selaras dengan itu, mulai tahun 2007, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah memperuntukkan sebanyak RM300,000 kepada semua Universiti Awam di Malaysia bagi mewujudkan kompleks niaga pelajar yang dinamakan Student Mall. Objektifnya adalah untuk membolehkan kumpulan pelajar yang berminat menjalankan perniagaan di bawah konsep keusahawanan siswa memulakan perniagaan sebenar dalam kampus. Selain itu, projek ini juga bertindak sebagai inkubator bagi membolehkan pelajar menimba kemahiran keusahawanan sebelum tamat pengajian.

Berdasarkan kenyataan di atas, permasalahan yang akan dijawab menerusi kajian ini menjurus kepada persoalan adakah perniagaan kendalian pelajar mempunyai prospek untuk dijalankan di dalam Universiti? Selain itu, apakah tahap penerimaan warga kampus terhadap perniagaan yang dikendalikan oleh pelajar? Akhirnya, apakah langkah yang telah dan perlu diambil oleh pihak pengurusan Universiti dan kerajaan bagi membolehkan inkubator perniagaan pelajar diwujudkan dalam kampus? Bagi menjawab kesemua persoalan ini, artikel ini akan melihat dan menganalisis perniagaan kendalian pelajar di kampus Universiti Kebangsaan Malaysia.

PEMBANGUNAN USAHAWAN SISWA

Kecenderungan dan minat seseorang individu menceburi bidang keusahawanan dapat digambarkan menerusi sikap dan motivasi individu terhadap keusahawanan serta menentukan tahap penglibatan sebenar mereka dalam keusahawanan pada masa depan (Delmar & Davidson, 2000; Krueger et.al, 2000). Li, Zhang dan Matlay (2003)

turut menjelaskan bahawa seseorang individu yang melalui proses latihan keusahawanan terancang mempunyai kecenderungan yang lebih tinggi untuk menceburi bidang perniagaan. Dengan membenarkan pelajar menjalankan perniagaan sebenar, mereka akan lebih berupaya menyelami pengalaman hidup sebagai usahawan sebenar secara langsung (Vincent & Farlow, 2008). Garavan dan O’Cinneide (1994) dan Hynes (1996) juga mengatakan bahawa latihan keusahawanan perlu diberikan dalam bentuk inkubator keusahawanan dan pembangunan ekonomi. Para peserta akan mendapat lebih banyak manfaat dan pengalaman berguna sekiranya skim latihan yang dijalankan dilengkapi dengan latihan berniaga secara praktikal. Kaedah itu juga banyak diadaptasi di negara-negara maju seperti United Kingdom (Galloway dan Brown, 2002), Sweden (Klofsten, 2002; Johanisson, et.al., 1998) dan Amerika Syarikat (Jones dan English, 2004). Dengan perkembangan dunia perniagaan masa kini, pembangunan usahawan pelajar memerlukan pendekatan yang bersifat praktikal (Jones dan English, 2004; Middleton dan Long, 1990).

Dalam membangunkan usahawan pelajar, beberapa buah universiti tempatan seperti Universiti Utara Malaysia, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Universiti Teknologi Mara telah menawarkan program keusahawanan (Mohd Fauzi et.al., 2006). Dari aspek latihan, program pembangunan usahawan siswa giat dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta Kementerian Pengajian Tinggi menerusi program Latihan Keusahawanan Siswa, Kursus Asas Keusahawanan Siswa dan Asas Pembudayaan Keusahawanan di semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (Ahmad Rafli, 2007). Matlamatnya adalah untuk menerapkan budaya keusahawanan dan menjadikan bidang keusahawanan sebagai suatu kerjaya pilihan para graduan.

Sebagai langkah proaktif, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah memulakan projek pembinaan *Student Mall* di semua IPTA dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi. *Student Mall* dibangunkan sebagai inkubator perniagaan yang membolehkan para pelajar yang berminat menjalankan perniagaan dalam kampus Universiti masing-masing (Ahmad Rafli et, al. 2008). Ia membantu meningkatkan bilangan ruang niaga yang boleh dijalankan oleh pelajar di kampus-kampus universiti awam seluruh Malaysia. Matlamat

utamanya ialah untuk melahirkan graduan yang mahir dalam bidang keusahawanan yang berupaya menjalankan perniagaan sendiri sebagai usahawan dan dapat meneruskan perniagaan tersebut di luar kampus setelah menamatkan pengajian mereka.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan dua kaedah pengumpulan data. Pada peringkat pertama, satu pemerhatian (observation) bagi meneliti status bentuk perniagaan yang sedang beroperasi di Universiti Kebangsaan Malaysia. Peringkat kedua pula melibatkan kaji selidik yang telah dijalankan dalam kalangan warga kampus UKM bagi meneliti keperluan dan persepsi mereka terhadap perniagaan kendalian pelajar. Ia juga bertujuan untuk mengenalpasti bentuk perniagaan yang berpotensi untuk dijalankan oleh para pelajar.

Sejumlah 202 responden telah dilibatkan dalam kajian ini. Kutipan data dilaksanakan menerusi satu set kertas soalselidik berstruktur. Teknik persampelan purposif digunakan yang bertujuan untuk mencakupi populasi sasaran dalam kampus yang terdiri daripada pelajar, kakitangan pentadbiran dan kakitangan akademik. Kumpulan berkenaan merupakan sasaran pelanggan utama untuk perniagaan dalam kampus.

DAPATAN KAJIAN

Hasil dari pemerhatian menunjukkan, terdapat 88 buah lot-lot ruang niaga yang disediakan oleh pihak universiti dalam kampus UKM. Perniagaan yang dijalankan terdiri daripada kafetaria, kedai barangan runcit, kedai photostat, kedai buku, kedai telefon bimbit dan *kiosk mini cafe*. Walau bagaimanapun, hampir semua perniagaan tersebut dijalankan oleh pihak penyewa luar (bukan pelajar). Ringkasan maklumat ruang niaga di UKM dijelaskan menerusi Jadual 1.

Jadual 1: Taburan Ruang Niaga di UKM

Lokasi	Jumlah Ruang Niaga
Kolej Keris Mas	6
Kolej Rahim Kajai	4
Kolej Dato' Onn	3
Kolej Ungku Omar	4
Kolej Burhanudin Helmi	4
Kolej Ibrahim Yaakob	4
Kolej Tun Hussien Onn	5
Kolej Ibu Zain	2
Kolej Idris Al-Marbawi	-
Kolej Pendeta Zaaba	7
Kolej Aminuddin Baki	3
Wisma UNIKEB	14
Pusanika (Pusat Kemudahan Pelajar)	21
Kampus Cawangan Kuala Lumpur	4
Kampus HUKM	7
JUMLAH	88

Daripada aspek pengendali lot-lot niaga yang sedia ada, didapati hanya 5 buah perniagaan runcitan sahaja yang dijalankan sepenuhnya oleh pelajar menerusi Kelab Keusahawanan di Kolej-Kolej Kediaman. Bilangan pelajar yang terlibat adalah seramai 124 orang. Taburan lot niaga yang tidak sekata di antara setiap kolej kediaman adalah disebabkan faktor saiz ruang niaga yang terhad di kolej-kolej lama seperti Kolej Dato' Onn, Kolej Tun Hussein Onn, Kolej Rahim Kajai, Kolej Burhanuddin Helmi, Kolej Ungku Omar dan Kolej Ibrahim Yaakob berbanding kolej-kolej baru seperti Kolej Keris Mas dan Kolej Pendeta Zaaba. Faktor saiz juga menyebabkan berlakunya perbezaan jumlah penghuni kolej kediaman yang juga merupakan pelanggan sasaran pengusaha perniagaan dalam kampus. Kolej-kolej yang baru mempunyai bilangan penghuni yang lebih besar iaitu di antara 4,000 hingga 5,000 orang. Manakala kolej-kolej yang lama hanya memuatkan

di antara 500 hingga 2,000 orang pelajar. Senarai lengkap taburan perniagaan runcitan dalam kampus UKM dijelaskan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Taburan Perniagaan Runcitan Dalam Kampus UKM

Lokasi	Tempat	Bil	Nama Perniagaan	Jenis Perniagaan
UKM Bangi	Pusanika	1	Kedai Komputer Kustif	Cybercafe
		2	& Zar Cafe	Kedai kek & roti
		3	Fotostostat Q&Q	Kedai photostat
		4	Kedai Buku Kop Unikeb	Kedai buku
		5	UMart	Kedai runcit
		6	Anuar Optometris	Kedai optometri
		7	Hijau.net World	Cybercafe
		8	Seleksi Biru	Butik pakaian
		9	Labisa Fashion	Butik pakaian
		10	Dunia Hiaz R&Z	Butik pakaian
		11	Adam Mohamad Ent	Penjilid buku
		12	Abg Man Komputer	Kedai komputer
		13	Putera Photo Studio	Kedai gambar
		14	Galeri Cenderamata UKM	Kedai cenderamata
		15	Multimedia Zone	Kedai komputer
		16	Salon Hazi	Salon
		17	Kedai Photostat Double A	Kedai photostat
		18	PC Digitek	Kedai alat tulis
		19	Pusat Komputer Alumni Shop UKM	Kedai komputer
		20	Warung Muhibbah	Kafetaria
		21	Nescafe Kiosk*	Kiosk cafe

...Bersambung

Bersambung...

Wisma Unikeb	1	HOC de Classic	Kedai jahit
	2	Unikeb Trading	Agen tiket kapal terbang
	3	Permata Utara Textile & Handicrafts	Kedai jahit
	4	Inetxys@Net	Cybercafe
	5	Marshall Furniture Galery	Kedai perabot
	6	Kedai Buku Unikeb	Kedai buku
	7	Skim Gadaian Islam	Pajak gadaian Islamik
	8	Himaz Hair & Beuty Unisex Saloon	Salon
	9	Upstream Downstream Proses	Kedai komputer
	10	NR Mega Holdings	Developer
	11	Pasar Mini Unikeb	Kedai runcit
	12	Mantap Comm. Ent	Kedai telefon
	13	FFC Caterer	Kafetaria
	14	Robelson Audio	Kedai elektrik
Kolej Keris Mas	1	H-Mart	Kedai runcit
	2	H-Mart Photocopy	Kedai photostat
	3	Kedai Photostat Keris Mas	Kedai photostat
	4	Cafe Keris Mas	Kafetaria
	5	Cybercafe Keris Mas	Cybercafe
	6	Pusat Memandu Mazris	Sekolah memandu
Kolej Aminuddin Baki	1	Kelab Usahawan Kolej*	Kedai runcit
	2	Kafetaria KAB	Kafetaria
	3	Cybercafe KAB	Cybercafe

Bersambung...

Kolej Tun Hussein Onn	1	K-Shop*	Kedai runcit
	2	Kafetaria KTHO	Kafetaria
	3	Cybercafe KTHO	Cybercafe
	4	Z-Corner	-
	5	Kedai photocopy Z	Kedai photostat
Kolej Dato Onn	1	KDO Photocopy Centre	Kedai photostat
	2	Kafetaria KDO	Kafetaria
	3	Pusat Dobi KDO	Kedai dobi (layan diri)
Kolej Rahim Kajai	1	Kafetaria Kolej F	Kafetaria
	2	EMEQ Resources	Kedai serbanika
	3	Kedai Xerox	Kedai photostat
	4	Cybercafe F	Cybercafe
Kolej Ibu Zain	1	Kafetaria Ibu Zain	Kafetaria
	2	G Net Cybercafe	Cybercafe
Kolej Pendeta Zaaba	1	Sekolah Memandu Mazris	Sekolah memandu
	2	Kedai Serbanika Adam	Kedai runcit
	3	Adam cafe	Cybercafe
	4	NH Stationary Shop	Kedai alat tulis
	5	Kedai Gambar Fujifilm	Kedai gambar
	6	Kafetaria Kolej P. Zaaba	Kafetaria
	7	Cybercafe Zaa'ba	Cybercafe
Kolej Burhanuddin Helmi	1	PC Digitek	Kedai photocopy, cenderamata dan alat tulis
	2	Kafetaria Seri Nilam	Kafetaria
	3	Dana Korporat	Kedai runcit
	4	Pusat Perkhidmatan Komputer KBIH	Kedai komputer

Bersambung...

	Kolej Ibrahim Yaakob	1	E'Shop D'Mawar	Kedai runcit
		2	Kafetaria E	Kafetaria
		3	Cybercafe KIY	Cybercafe
		4	Aksessori Komp G Tech	Kedai komputer
	Kolej Ungku Omar	1	Cyber-C	Cybercafe
		2	Kafetaria KUO	Kafetaria
		3	C-Mart*	Kedai runcit
		4	Pusat Photostat C*	Kedai photostat
Kampus UKM Kuala Lumpur	Kolej Tun Syed Nasir, Jalan Temerloh	1	Kafetaria KTSN	Kafetaria
		2	Cybercafe KTSN	Cybercafe
		3	Kedai Kelab Usahawan KTSN*	Kedai runcit & photostat
	KCKL, Jalan Raja Muda	1	Koop U-Mart	Kedai runcit
Kampus HUKM	HUKM	1	Kedai Buku Alumni Perubatan UKM	Kedai buku
		2	Cafe TTDI	Kafetaria
		3	Farmasi HUKM	Farmasi
		4	Koop U Mart	Kedai runcit
		5	Besta Ceria	Kafetaria
		6	Optometri UKM Kesihatan	Kedai optometri
		7	Kedai Bunga HUKM	Kedai bunga

*Perniagaan kendalian pelajar.

Hasil pemerhatian ini, dapat disimpulkan bahawa perniagaan kendalian pelajar masih belum diketengahkan secara serius di Universiti Kebangsaan Malaysia. Pihak Universiti masih belum membuka peluang secara meluas kepada kumpulan pelajar yang ingin menjalankan perniagaan secara berpremis di mana-mana lot perniagaan yang disediakan pada masa sekarang. Galakan yang diberikan oleh pihak Universiti masih tertumpu kepada tiga bentuk sokongan iaitu;

- a. Penyediaan skim pinjaman modal kerja sebanyak RM500 untuk setiap orang pelajar oleh Jabatan Bendahari UKM.
- b. Perakuan kelulusan dan sokongan dana untuk aktiviti persatuan pelajar oleh Pusat Perkembangan Pelajar bagi membolehkan persatuan atau kelab pelajar berdaftar menjalankan aktiviti berteraskan perniagaan dalam kampus UKM secara tidak berpremis.
- c. Menggalakkan persatuan pelajar atau kumpulan pelajar menjalankan perniagaan secara tidak berkala melalui penyewaan lot niaga sementara sempena Karnival Kolej Kediaman dan Pesta Konvokesyen Universiti yang dikendalikan oleh Kolej-Kolej Kediaman atau Universiti.

Ketiga-tiga bentuk galakan yang disediakan oleh Universiti didapati tidak dapat menggalakkan para pelajar melibatkan diri dalam perniagaan kampus secara berpremis dan berterusan. Namun, perniagaan kendalian pelajar dilihat berpotensi untuk dibangunkan memandangkan telah wujud lot-lot niaga di dalam kampus seperti yang dinyatakan, walaupun pada masa sekarang ia dikendalikan oleh penyewa luar.

PENERIMAAN WARGA KAMPUS TERHADAP PERNIAGAAN KENDALIAN PELAJAR

Satu kaji selidik telah dijalankan di kalangan warga Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk melihat potensi pembangunan perniagaan yang dimiliki dan dioperasikan oleh pelajar pada awal tahun 2007. Sejumlah 202 responden telah menjawab kertas soal selidik yang dikemukakan bagi untuk mendapat respon dan pemahaman asas mengenai konsep untuk membangunkan perniagaan kendalian pelajar di sekitar UKM.

Aspek pertama yang dinilai ialah kuasa beli dan tabiat pembelian warga kampus. Jadual 3 menunjukkan pola perbelanjaan mingguan warga kampus UKM dari aspek amaun perbelanjaan dan tujuan perbelanjaan. Hampir 40 peratus responden berbelanja sebanyak RM51-RM100 seminggu dalam kampus UKM. Selebihnya, 28 peratus berbelanja melebihi RM100 seminggu. Dari sudut keutamaan berbelanja, 55 peratus responden berbelanja untuk makanan, manakala

16 peratus lagi berbelanja untuk barangan runcit dan alatulis. Selain itu, 5.4 peratus berbelanja untuk kemudahan photostat. Dapatan kajian ini menunjukkan perbelanjaan warga kampus tertumpu kepada tujuan pembelian makanan, barangan runcit dan alatulis di dalam kampus. Ini disebabkan kemudahan kedai makan, kedai runcit dan kedai alatulis yang berada di sekitar Bangi terletak di antara 3 hingga 5 kilometer dari kampus induk UKM. Ini menyukarkan warga kampus untuk mengunjungi premis berkenaan terutamanya pada hari bekerja.

Daripada aspek jenis perniagaan yang sesuai dijalankan oleh pelajar, responden telah diberi senarai 35 jenis perkhidmatan runcit yang sesuai dijalankan di dalam kampus Universiti. Responden dikehendaki mengatur 10 jenis perniagaan yang dirasakan sesuai dijalankan oleh pelajar mengikut keutamaan. Jadual 4 memaparkan senarai perkhidmatan runcitan mengikut keutamaan dan maklumbalas para responden. Hasil kajian mendapati, perkhidmatan kedai runcit, fotokopi, siber kafe, buku dan cafe makanan adalah perniagaan utama yang sepatutnya dikendalikan oleh pelajar.

Selanjutnya, pengkaji telah meneliti persepsi atau darjah keyakinan responden terhadap perniagaan kendalian pelajar. Keputusan kaji selidik dapat dijelaskan menerusi Rajah 1. Didapati seramai 189 orang responden (93.6 peratus) bersetuju bagi mendapatkan perkhidmatan/perniagaan runcit jika ianya diusahakan oleh pelajar. Sebaliknya 13 orang responden (6.4 peratus) tidak bersetuju kerana mereka kurang yakin terhadap kebolehan serta kemampuan pelajar dalam mengendalikan perniagaan. Ini disebabkan para pelajar dikatakan tidak mempunyai pengalaman yang luas dalam perniagaan. Perniagaan juga memerlukan tumpuan masa dan komitmen berterusan sedangkan para pelajar perlu menumpukan perhatian mereka terhadap pelajaran yang merupakan objektif utama mereka berada di Universiti.

Selain itu, soal selidik juga melibatkan pilihan faktor-faktor yang diberikan keutamaan oleh responden dalam membuat pembelian di premis-premis perniagaan sedia ada dalam kampus UKM. 187 orang responden memberi alasan berbelanja berdasarkan pertimbangan harga. Manakala, 178 orang responden menekankan aspek kualiti barangan dan perkhidmatan. Selain itu, seramai 144 orang responden menekankan aspek lokasi di mana premis perniagaan ditempatkan.


Jadual 5 menunjukkan susunan skor faktor yang menjadi keutamaan responden membuat pertimbangan pembelian dalam kampus UKM.

Jadual 3: Pola Perbelanjaan Warga Kampus UKM

	Perbelanjaan	Kekerapan (n=202)	Peratus (%)
Perbelanjaan Mingguan	<RM50	66	32.7
	RM51-RM100	79	39.1
	RM101-RM150	18	8.9
	RM151-RM200	11	5.4
	RM201-RM250	1	0.5
	>RM300	2	1.0
Keutamaan Langganan	Nilai Ralat	25	12.4
	Kafeteria	112	55.4
	Barang Runcit	17	8.4
	Kedai Buku	16	7.9
	Pusat Fotostat	11	5.4
	Kedai Kek	10	5.0
	Internet Cafe	10	5.0
	Perkhidmatan Telefon Bimbit	4	2.0
	Kedai Gambar	1	0.5
	Lain-lain	4	2.0
Nilai Ralat	17	8.4	

Jadual 4: Bidang Perniagaan Yang Sesuai Dikendalikan Oleh Pelajar Mengikut Keutamaan

Keutamaan Jenis Perniagaan	Kekerapan (n=202)	Peratus (%)
1. Barang Runcit	133	65.8
2. Fotostat	127	62.9
3. Siber Kafe	105	52.0
4. Kedai Buku	101	50.0
5. Kafeteria	99	49.0
6. Perkhidmatan Dobi	88	43.6
7. Kedai Telefon Bimbit	85	42.1
8. Kedai Kek	67	33.2
9. Alat Tulis	62	30.7
10. Tiket Bas	61	30.2



Rajah 1: Sokongan Terhadap Perniagaan Dikendalikan Oleh Pelajar

**Jadual 5: Faktor Yang Mempengaruhi Gelagat
Pembelian Warga Kampus UKM**

Faktor	Kekerapan (n=202)	Peratusan (%)
Harga barangan/ perkhidmatan	187	92.6
Kualiti barangan/ perkhidmatan	178	88.1
Lokasi premis	144	71.3
Kemesraan kakitangan	96	47.5

**INKUBATOR PERNIAGAAN PELAJAR
(STUDENT MALL) UKM**

Di Universiti Kebangsaan Malaysia, sebuah inkubator perniagaan yang mempunyai lima buah kiosk telah dibina pada tahun 2007 dengan peruntukan kewangan yang diterima daripada Kemeterian Pembangunan Usahawan dan Koperasi berjumlah RM300,000. Lokasinya terletak di antara bangunan Perpustakaan Tun Seri Lanang dan Fakulti Ekonomi dan Perniagaan. Pada pertengahan tahun 2008, lima buah syarikat milik pelajar telah diberikan kontrak menyewa dan menjalankan perniagaan di premis tersebut. Secara keseluruhan, seramai 23 orang pelajar dari pelbagai Fakulti terlibat secara langsung sebagai pemilik perniagaan dan operator di pusat inkubator berkenaan.

Bagi memudahkan proses pengurusan dan pemantauan perniagaan, UKM telah mewujudkan sebuah Jawatankuasa Pengurusan dan Penilaian Student Mall UKM yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik dan Alumni. Seorang pengurus juga telah dilantik bagi mengendalikan hal ehwal operasi harian pusat berkenaan. Tanggungjawab pengurusan diletakkan di bawah kendalian Pusat Perkembangan Pelajar, UKM.

Secara dasar, kumpulan pelajar yang menjalankan perniagaan di pusat inkubator berkenaan diberikan kemudahan kadar sewa yang kompetatif, skim latihan keusahawanan berkala dan khidmat sokongan pengembangan perniagaan oleh UKM dan rakan jaringan keusahawanannya. Selain itu, UKM juga menyediakan kemudahan

pinjaman modal asas perniagaan sebanyak RM500 bagi setiap pelajar untuk menjalankan perniagaan dalam kampus UKM.

Berdasarkan ketetapan Universiti, pemilik perniagaan yang beroperasi di Student Mall UKM mestilah dimiliki oleh pelajar berdaftar di UKM secara berkumpulan dengan jumlah minima seramai 3 orang. Kumpulan pelajar berkenaan juga mestilah pernah mengikuti Skim Latihan Keusahawanan di bawah kendalian Pusat Pembangunan Pelajar, UKM atau merupakan kumpulan pelajar yang bernaung di bawah Kelab Keusahawanan Kolej Kediaman, Persatuan Pelajar Universiti dan Fakulti atau ahli Koperasi Usahawan Siswa UKM Berhad. Perniagaan yang dijalankan perlu didaftarkan dengan Pusat Perkembangan Pelajar dengan menyertakan carta organisasi, profil rakan kongsi atau Ahli Lembaga Pengarah syarikat. Selain itu, penyewa juga dikehendaki mengemukakan laporan aktiviti perniagaan dan laporan kewangan setiap tiga bulan sekali untuk disemak Jawatankuasa Pengurusan dan Penilaian Student Mall UKM.

Daripada aspek operasi, semua syarikat dibenarkan beroperasi 24 jam sehari. Tetapi tertakluk kepada syarat mestilah membuka premis perniagaan setiap hari mulai pukul 7.30 pagi. Penyewa juga tidak dibenarkan menyewa semula (sub-let) premis kepada pihak lain atau warga asing serta menggaji pekerja asing mengendalikan operasi perniagaan. Tempoh kontrak sewaan minima adalah selama dua tahun. Kontrak boleh disambung, berdasarkan kelulusan Jawatankuasa Penilai dan Jawatankuasa Pengurusan Student Mall UKM. Jadual 6 menunjukkan ringkasan maklumat syarikat dan jenis perniagaan yang dijalankan di Student Mall UKM.

Jadual 6: Maklumat Ringkas Perniagaan Kendalian Pelajar di Student Mall UKM

Bil	Nama Syarikat	Jenis Perniagaan
1	X-Site Enterprise	Alatulis kejuruteraan dan cenderamata
2	Sizuka Enterprise	Jualan komputer dan perkhidmatan baik pulih komputer
3	Perniagaan Cahaya	Jualan aksesori dan pakaian wanita
4	Shihab Enterprise	Coklat dan cookies
5	Koperasi Usahawan Siswa UKM Berhad	Agen jualan tiket bas dan telefon bimbit

RUMUSAN DAN IMPLIKASI

Berdasarkan analisis kajian, didapati perniagaan kendalian pelajar mempunyai prospek yang amat baik untuk dibangunkan di dalam kampus Universiti. Ia memberikan banyak faedah khususnya kepada para pelajar yang terlibat (usahawan siswa) dan warga kampus amnya. Walaupun pada masa ini, hampir kesemua kedai-kedai runcit / perkhidmatan runcit di dalam kampus Universiti sebagaimana di UKM, dikendalikan oleh pihak luar, namun sebuah inkubator perniagaan dalam bentuk Student Mall turut dibangunkan sebagai langkah mewujudkan lebih banyak ruang niaga untuk diusahakan oleh pelajar.

Hasil kajian di UKM menunjukkan warga kampus bersedia menerima dan menyokong perniagaan yang dikendalikan oleh pelajar. Mereka yakin, perniagaan kendalian pelajar mampu memberikan lebih banyak peluang kepada pelajar mendalami ilmu keusahawanan secara praktikal serta memenuhi keperluan mereka di Universiti. Ini memberi implikasi bahawa, jenis perniagaan yang sesuai dijalankan hanyalah perniagaan yang boleh memenuhi keperluan harian warga kampus seperti kedai runcit, kedai photostat, kedai buku, kafe dan kedai komputer. Walaubagaimanapun, perniagaan bersaiz besar tidak sesuai dijalankan memandangkan tahap kuasa beli warga kampus yang sederhana serta kos penubuhan perniagaan yang tinggi.

Bagi menjayakan perniagaan kendalian pelajar, secara khusus pihak pentadbiran Universiti perlu melaksanakan beberapa cadangan seperti berikut;

- a. Pihak pengurusan Universiti perlu mengambil langkah pro-aktif menyediakan kemudahan ruang niaga yang sesuai untuk disewakan kepada para pelajar atau kumpulan pelajar yang ingin menjalankan perniagaan di sekitar kampus dan kolej kediaman pelajar dengan jumlah yang lebih banyak. Ia boleh dilaksanakan dalam bentuk inkubator perniagaan pelajar di dalam premis yang khusus atau secara usahasama dengan pihak luar universiti dan kolej kediaman pelajar.
- b. Mekanisma pendaftaran dan kawalan perniagaan perlu diwujudkan bagi memastikan perniagaan yang dijalankan oleh pelajar beroperasi secara cekap, konsistan dan berdaya maju. Untuk tujuan ini, sebuah Pusat Pembangunan Perniagaan dan Keusahawanan Pelajar khusus perlu diwujudkan di bawah Pusat Perkembangan Pelajar untuk memantau dan memberikan khidmat nasihat serta latihan keusahawanan kepada semua pelajar yang menjalankan perniagaan di dalam kampus.
- c. Universiti juga perlu mengiktiraf aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh para pelajar yang terlibat sebagai suatu bentuk kursus ko-kurikulum yang boleh diberikan pemberat jam kredit dan dinilai pencapaiannya sebagai sebahagian daripada syarat penganugerahan ijazah.
- d. Universiti juga perlu menyediakan skim bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman modal permulaan tanpa faedah dalam amaun yang lebih besar bagi membolehkan pelajar mendapat modal permulaan dan modal kerja bagi memulakan perniagaan mereka. Amaun pinjaman yang boleh ditentukan mengikut jenis perniagaan dan kebolehlaksanaan rancangan perniagaan para pemohon.

RUJUKAN

Ahmad Rafli Che Omar. 2008. Laporan Sangkutan Kerja dan Penyelidikan di United Kingdom 2008. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Ahmad Rafli Che Omar, Zaimah Darawi dan SioHong Tih. 2007. Perceptions Towards Student Business Ventures in University, dalam *Entrepreneurship and Business Competitiveness*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, pp. 71-82.
- Ahmad Rafli Che Omar, Zaimah Darawi dan SioHong Tih. 2008. Pembangunan Keusahawanan Pelajar Universiti Melalui Inkubator Perniagaan: Kes UKM. Prosiding *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-3 2008*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collinson, E., dan Quinn, L. 2002. The Impact of Collaboration Between Industry and Academia on SME Growth. *Journal of Marketing Management*, No. 18, pp 415-434.
- Delmar, F., dan Davidsson, P. 2000. Where do We Come From? Prevalence and characteristics of nascent entrepreneurs. *Entrepreneurship and Regional Development*, Vol 12, pp. 1-23.
- Galloway, L., dan Brown, W. 2002. Entrepreneurship Education at University: A Driver in The Creation of High Growth Firms?. *Education and Training*, Vol 44, No 8/9, pp. 398-405.
- Garavan, I.N., dan O’Cinneide, R. 1994. Entrepreneurship Education and Training Programmes: A Review and Evaluation. *Journal of European Industrial Training*, Part I, No 18 (8/11), Part II: No 18 (11), pp. 3-11.
- Gibb, A. 2002. Creating conducive environments for learning and entrepreneurship. *Industry and Higher Education*, Vol 16, No 1, pp. 135-148.
- Hamidi, Z.Y., Wennberg, K. Dan Berglund. 2008. Creativity in Entrepreneurship Education. *Journal of Small Business and Enterprise Development*, Vol 15, No. 2, pp. 304-320.
- Hynes, B. 1996. Entrepreneurship Education and Training- Introducing Entrepreneurship to Nonbusiness Disciplines. *Journal of Industrial Training*, 20(8), pp 10-17.
- Johannisson, B., Landstorm, H. Dan Rosenberg, J. 1998. University Training for Entrepreneurship: An Action Frame of Reference. *European Journal of Engineering Education*, 23 (4), pp 477-497.
- Jones, C. dan English, J. 2004. A Contemporary Approach to Entrepreneurship Education. *Education and Training*. 46(8/9), pp. 416-419.

- Kirby, D.A. 2006. Entrepreneurship education and incubators: pre-incubators, incubators and science parks as enterprise laboratories, in Pittway, L. (Ed.) *NCGE Working Paper Series*, 2006. National Council for Graduate Entrepreneurship, Birmingham.
- Klofsten, M. 2002. Training Entrepreneurship at Universities: A Swedish Case. *Journal of European Industrial Training*, 24 (6), pp. 337-341.
- Krueger, N.F., Reilly, M.D. dan Carsrud, A.L. 2000. Competing Model of Entrepreneurial Intentions. *Journal of Business Venturing*, Vol 15, pp. 411-432.
- Li, J., Zhang, Y., dan Matlay, H. 2003. Entrepreneurship Education in China. *Education and Training*, Vol 45, No 8/9, pp 495-505.
- Middleton, B., dan Long, G. 1990. Marketing Skills: Critical Issues in Marketing and Education Training. *Journal of Marketing Management*, Vol 5, No 3, pp. 325-342.
- Mohd Fauzi Mohd Jani, Ahmad Rafli Che Omar, Zaimah Darawi dan SioHong Tih. 2007. *Laporan Kebolehlaksanaan Student Mall di UKM*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Mohd Fauzi Mohd Jani, Zaimah Darawi, SioHong Tih, Norshamliza Chamhuri, Mohd Radzuan Rahid, Ahmad Rafli Che Omar dan Ayub Mohd Yusof. 2006. *Research of Entrepreneurship Education in Malaysia*. Report prepared for Asia SEED, Japan.
- Rae, D. dan Carswell, M. 2000. Using a life-story approach in researching entrepreneurial learning: the development of a conceptual model and its implications in the design of learning experiences. *Education + Training*, Vol 42, No 4/5, pp. 220-228.
- Rimanoczy, I. 2007. Action Reflection Learning: A Learning Methodology Based on Common Sense. *Industrial and Commercial Training*, Vol. 39. No. 2, pp 43-51.
- Vincent, P.S. dan Farlow, S. 2008. Start a Business: An Experiment in Education Through Entrepreneurship. *Journal of Small Business and Enterprise Development*, Vol. 15, No. 2, pp. 274-288.
- Walker, E., Redmond, J., Webster, B., dan Le Clus, M. 2007. Small Business Owners: Too Busy to Train?. *Journal of Small Business and Enterprise Development*, Vol No. 14, Issue 2. pp 294-306.